



Natasha Griggs

Administrator of Christmas Island
Administrator of the Cocos (Keeling) Islands



Community Bulletin

Menyusun Rancangan Strategi Pulau Christmas

Bilangan: A27/2018

Tarikh: 25 Mei 2018

Pada 18 April yang lepas, saya memberitahu komuniti ini bahawa Organisasi Pembangunan Regional (RDO) Wilayah Lautan Hindi memohon usul daripada pakar runding yang berminat menyusun Rancangan Strategi Pulau Christmas yang baru. Sekarang, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa RDO telah memilih seorang pakar runding tempatan, iaitu Puan Vanessa Bennett daripada C Change Sustainable Solutions, yang akan bekerja bersama Encik Phil Gouldson, seorang pakar runding yang berpengalaman luas tentang Australia Utara dan Asia, untuk menyusun Rancangan Strategi ini.

Penyusunan Rancangan Strategi ini dibiayai oleh Kerajaan Australia untuk melakar masa depan Pulau Christmas. Rancangan Strategi adalah satu pelan untuk komuniti oleh komuniti bagi menyokong tindakan ekonomi dan sosial agar dapat memastikan bahawa Pulau Christmas dapat bertahan sehingga masa depan. Ini merangkumi cara kita dapat memanfaatkan kelebihan kita secara bandingan, membantu perniagaan tempatan berkembang maju, dan menyejahterakan lagi komuniti ini. Mengatur strategi tentang cara terbaik kita boleh memajukan tanah di luar Taman Negara dan memudahkan perhubungan dengan Asia kedua-duanya unsur penting Rancangan Strategi ini.

Sebagai suatu lagi langkah yang kukuh ke arah ini, Kerajaan Australia telah menyediakan pembiayaan kepada RDO untuk mengambil khidmat seorang Pegawai Pelaburan Regional supaya dapat menggalakkan pelaburan asing dan domestik di Wilayah Lautan Hindi. Jawatan ini akan diiklankan dalam masa beberapa minggu yang akan datang.

Untuk menjayakan penyusunan Rancangan Strategi Pulau Christmas, kami memerlukan pendapat anda. Semua anggota komuniti dan pihak-pihak yang berkepentingan akan dipelawa untuk sama-sama membentuk masa depan Pulau Christmas melalui perundingan. Kami akan terus memaklumkan kepada anda tentang kemajuan usaha menyusun Rancangan Strategi ini dan cara anda boleh menyumbang. Selaku Pengerusi RDO, saya berbesar hari kerana berpeluang menjayakan Rancangan Strategi ini bersama pakar runding dan komuniti sebelum penghujung tahun.

Natasha Griggs
Pentadbir - Wilayah Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling)

PO Box 868, Christmas Island INDIAN OCEAN 6798

Telefon: +61 8 9164 7960